



## **KENYATAAN AKHBAR OLEH KETUA AUDIT NEGARA**

### **BERKENAAN:**

### **LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2021 SIRI 1 MENGENAI AKTIVITI JABATAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI SELANGOR**

1. Fasal (1) Perkara 107 Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporannya kepada Duli Yang Maha Mulia (KDYMM) Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang hendaklah menyebabkan laporan itu dibentang di hadapan Dewan Rakyat. Fasal (2) Perkara 107 pula menyebut mana-mana laporan yang berhubung dengan sesuatu negeri hendaklah dikemukakan kepada sultan/Raja atau Yang Di-Pertua Negeri bagi negeri itu untuk dibentangkan di hadapan Dewan Undangan Negeri.
2. Laporan Ketua Audit Negara (LKAN) mengenai Aktiviti Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2021 Siri 1 telah dibentangkan di Dewan Rakyat pada 3 Ogos 2022 setelah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Di-Pertuan Agong. Seterusnya LKAN 2021 Siri 1 ini akan dibentangkan di Dewan Negeri Selangor pada 23 November 2022 setelah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor.
3. LKAN pada kali ini antara lainnya mengandungi perkara penting seperti berikut:

### **3.1. Pengauditan Prestasi Terhadap Program/Aktiviti/Projek Kerajaan Negeri**

Bagi Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2021 Siri 1 ini, sebanyak dua pengauditan prestasi telah dilaksanakan di peringkat Kerajaan Negeri, iaitu:

#### **3.1.1. Program Pembangunan Usahawan di Unit Perancang Ekonomi Negeri**

Secara keseluruhannya, berdasarkan skop pengauditan dapat dirumuskan bahawa UPEN telah memenuhi peranannya sebagai agensi utama dalam program pembangunan usahawan. Pencapaian output dari aspek kelulusan bantuan yang ditetapkan adalah memuaskan kerana permohonan yang diluluskan adalah tinggi dan telah mencapai sasaran yang ditetapkan. Selain itu, bagi promosi, latihan dan program 4P, prestasi pelaksanaan adalah baik kerana pelaksanaan program dibuat berdasarkan peruntukan yang diluluskan, namun tiada kajian impak dijalankan. Bagi Program Pembangunan Usahawan India Selangor (SITHAM) pula, prestasi pelaksanaan kurang memuaskan kerana pelaksanaan program tidak dilaksanakan mengikut perancangan.

#### **3.1.2. Pengurusan Tanah Rizab Melayu (TRM) di Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor**

Secara keseluruhannya, dapat dirumuskan pengurusan TRM adalah kurang cekap dan kurang berkesan. Penilaian Output berdasarkan prestasi keseluruhan TRM sehingga Disember 2021 menunjukkan sasaran keluasan TRM seperti yang

ditetapkan oleh Wasiat Raja-Raja Melayu masih belum dicapai, iaitu 20.5% berbanding 50% yang disasarkan. Prestasi pembatalan dan penggantian TRM juga menunjukkan sebanyak 4,650.04 ekar atau 42.5% keluasan TRM masih belum diganti setakat Disember 2021. Inisiatif yang dilaksanakan oleh Pejabat Tanah dan Galian Negeri Selangor bagi pembangunan TRM selaras dengan dasar Rancangan Struktur Negeri 2035 adalah tidak menyeluruh bagi manfaat orang Melayu. Selain itu, Jawatankuasa Khas Pengurusan dan Penggantian TRM yang diwujudkan juga tidak pernah membincangkan secara khusus berkenaan TRM yang berpotensi untuk dimajukan pada masa hadapan serta inisiatif usaha sama bagi menggalakkan pembangunan TRM.

### **3.2. Pengauditan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri**

Pengauditan bagi pengurusan syarikat Kerajaan merangkumi tiga aspek, iaitu tadbir urus korporat, pengurusan aktiviti dan kedudukan kewangan syarikat.

3.2.1 Sebanyak satu pengauditan pengurusan syarikat kerajaan telah dilaksanakan terhadap Akademi PKNS Sdn. Bhd. (APSB). Secara keseluruhannya, berdasarkan skop pengauditan, objektif penubuhan APSB belum tercapai sepenuhnya kerana peranan sebenar APSB ketika ini tidak selari dengan objektif penubuhan di samping pengurusan hasil dan perbelanjaan yang lemah. Tadbir urus korporat syarikat adalah memuaskan namun empat dari sembilan aspek tadbir urus korporat yang diaudit masih tidak diamalkan sepenuhnya. Selain itu, kedudukan kewangan APSB adalah kurang stabil kerana mengalami peningkatan trend kerugian pada tahun 2020 dan 2021. Kedudukan aset

syarikat masih mampu menampung liabiliti jangka pendeknya dan aliran tunai dan kesetaraan tunai APSB berbaki positif dalam tempoh tiga tahun yang dinilai. Bagaimanapun, terdapat trend penurunan aliran tunai dari tahun ke tahun seterusnya.

4. Semua pegawai pengawal/ketua jabatan yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu mengenai perkara yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara untuk tujuan pengesahan.
5. Mesyuarat Penutup juga telah diadakan bagi tujuan membincangkan penemuan Audit dan mendapatkan penjelasan serta maklum balas terhadap isu-isu berbangkit. Bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil oleh ketua jabatan berkenaan, Jabatan Audit Negara juga telah mengemukakan 15 syor terhadap pengurusan aktiviti Jabatan dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri untuk memperbaiki kelemahan yang dilaporkan.
6. Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2021 Siri 1 akan dimuat naik di Laman Web Jabatan Audit Negara selepas pembentangannya di Dewan Negeri Selangor. Orang awam boleh melayarinya di alamat <http://www.audit.gov.my> mulai 23 November 2022 selepas jam 10.05 pagi. Sebarang pertanyaan lanjut/pandangan mengenai Laporan tersebut bolehlah dialamatkan kepada [jbaudit@audit.gov.my](mailto:jbaudit@audit.gov.my).

Ketua Audit Negara

23 November 2022

28 Rabiul Akhir 1444 H